**KEMENTERIAN KEWANGAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

# SIARAN AKHBAR
# PERINTAH KETIDAKSOLVENAN, 2016

Kementerian Kewangan dengan ini sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi pengenalan satu rang undang-undang yang dipanggil Perintah Ketidaksolvenan (*Insolvency Order*), 2016 yang mula berkuatkuasa pada 1 Mac 2016. Perintah yang baru diperkenalkan ini mengandungi peruntukan-peruntukan penggulungan berhubung ketidaksolvenan korporat yang terdapat di dalam Akta Syarikat (Penggal 39).

Perintah ini bertujuan untuk memberikan penekanan yang lebih terhadap penstrukturan semula dan pemulihan syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan dan operasi bagi tempoh sementara.

Di antara ciri-ciri baru di dalam Perintah ini adalah berhubung dengan '*company voluntary arrangement*' yang membolehkan sesebuah syarikat berunding dengan pihak pemiutang (*creditors*) bagi penstrukturan semula (restructuring) hutang piutang atau penyusunan semula syarikat. Bagi melengkapkan peruntukan ini, dalam penggulungan sesebuah syarikat, pembayaran hutang juga akan disenaraikan mengikut keutamaan daripada semua hutang tidak bercagar (*unsecured debts*).

Maklumat lanjut mengenai Perintah Ketidaksolvenan, 2016 boleh didapati di www.mof.gov.bn atau www.business.gov.bn. Salinan Perintah ini boleh didapati di Jabatan Percetakan Kerajaan atau dengan memuat turun daripada laman sesawang Pejabat Peguam Negara di alamat www.agc.gov.bn.

KEMENTERIAN KEWANGAN ★ NEGARA BRUNEI DARUSSALAM ★

Kementerian Kewangan
Negara Brunei Darussalam

Date: 12 April 2016
04 Rejab 1437

**MINISTRY OF FINANCE**
**BRUNEI DARUSSALAM**

# PRESS RELEASE
# INSOLVENCY ORDER, 2016

The Ministry of Finance is pleased to announce that His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam has consented for the introduction of the Insolvency Order, 2016 which is effective on 1 March 2016. The Insolvency Order, 2016 is a new legislation which incorporates the winding up provisions relating to corporate insolvency under the Companies Act (Chapter 39).

The objective of this Order is to give greater emphasis on reviewing and rehabilitating companies that are facing temporary shortfall and operational difficulties.

Among the new features of the Order are the provisions on company voluntary arrangement which allow a company to make a proposal to its creditors which may include restructuring of debts or reorganizing the company. To complement this new provision, in a winding up of a company, a new list of preferential payments will be paid in priority to all other unsecured debts.

Further information regarding the Insolvency Order, 2016 is available on www.mof.gov.bn or at www.business.gov.bn. The hardcopy of the Insolvency Order, 2016 is available for sale at the Government Printing Department or alternatively it can be downloaded from the Attorney General's Chambers website (www.agc.gov.bn).

Ministry of Finance
Brunei Darussalam

Date: 12 April 2016
04 Rejab 1437